



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 MEI 2021 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

23 MEI 2021 (AHAD)

454 kompaun peniaga ingkar harga maksimum

KPDNHEP periksa 51,138 premis di seluruh negara sepanjang sambutan Aidilfitri

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan 454 tindakan undang-undang terhadap peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Aidilfitri.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap 15 pemborong, peruncit dan peniaga itu membabitkan nilai sitaan sebanyak RM52,897 serta kompaun yang dikenakan ialah RM64,050.

Katanya, sepanjang pelaksanaan SHMMP bagi sambutan Aidilfitri bermula 21 April dan berakhir Khamis lalu, KPDNHEP membuat pemeriksaan terhadap 51,138 premis di seluruh negara.

"Antara tindakan undang-undang yang dikenakan ialah 91 kes menjual melebihi harga maksimum, 186 kes gagal menggunakan tanda harga khas dan 177 kes tidak memamerkan tanda harga.

"Selain itu, KPDNHEP turut menerima 73 aduan sepanjang tempoh berkenaan dan kesemua-nya sudah disiasat dan diambil



Azman (kiri) memantau harga ayam segar pada pelaksanaan SHMMP sempena sambutan Aidilfitri di sebuah pasar raya di Georgetown, April lalu.
(Foto Danial Saad/BH)

tindakan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata, pelaksanaan SHMMP Aidilfitri secara berfasa itu bagi menstabilkan harga barang mengikut keutamaan dan mengekang kenaikan harga daripada terus berlaku.

"Secara keseluruhannya, hasil pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan menunjukkan 99 peratus pematuhan yang tinggi di pihak peniaga.

"Kebanyakan barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang ditentukan kerajaan. Malah, sesetengah barang harga terkawal didapat dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

"Senario positif ini berlaku kerana persaingan yang sihat, selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran," katanya.

Azman juga berkata, penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa membantu pelaksanaan serta kelancaran perjalanan skim berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, berdasarkan pemantauan dan maklum balas orang ramai, KPDNHEP akan membuat penambahan baikan bagi memastikan skim itu akan terus relevan dan memberi manfaat kepada semua.

"KPDNHEP juga akan terus bekerjasama dan mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri terutamanya industri ba-

haru bagi memastikan kejayaan pelaksanaan skim ini.

"Kejayaan pelaksanaan SHMMP Aidilfitri 2021 turut mendorong kementerian ini meruskan pelaksanaan SHMMP bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2021 yang bakal disambut hujung bulan ini," katanya.

"Sehubungan itu, satu pengumuman berhubung senarai barang dan harga maksimum yang ditetapkan akan diumumkan oleh Menteri (Datuk Alexander Nanta Linggi) Isnin ini," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan SHMMP bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai akan turut memberi faedah yang positif kepada peniaga dan pengguna.

HARI : AHAD
TARIKH : 23/5/2021
M/SURAT : 5

91 kes jual melebihi harga maksimum

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun RM64,050 serta menyita barang bernilai RM52,897.31 sepanjang penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 (SHMMP HRP 2021) yang bermula dari 21 April hingga 20 Mei lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, 73 aduan diterima sepanjang tempoh itu yang semua sudah disiasat dan akan diambil tindakan.

Beliau berkata, 51,138 periksaan ke atas premis di seluruh negara dilaksanakan sepanjang tempoh terbabit.

"Sebanyak 454 tindakan undang-undang dikenakan iaitu 91 kes kerana menjual melebihi harga maksimum, 186 kes gagal menggunakan tanda harga khas

dan 177 kes tiada tanda harga," katanya, semalam.

Azman berkata secara keseluruhan didapati kadar pematuhan dalam kalanngan peniaga adalah tinggi pada 99 peratus yang mana barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang sudah ditentukan kerajaan.

"Malah, sesetengah barang harga terkawal didapati dijual pada harga lebih rendah daripada harga maksimum ditetapkan. Scenario positif ini berlaku kerana persaingan sihat selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran," katanya.

Azman berkata, kejayaan SHMMP HRP 2021 mendorong KPDNHEP meneruskan pelaksanaan SHMMP bagi Perayaan Pesta Kematian dan Hari Gawai 2021 yang akan disambut tidak lama lagi.

KPDNHEP kompaun ratusan peniaga, sita barang



PENGUATKUASA KPDNHEP membuat pemantauan ke atas keputuhan peniaga pada musim perayaan baru-baru ini.

PUTRAJAYA – Pihak berkuasa telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM64,050 serta menyita barang lebih RM50,000 sepanjang penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, sepanjang tempoh itu, pihaknya telah memeriksa ke atas 51,138 premis di seluruh negara.

"Kami menerima 73 aduan sepanjang tempoh itu yang kesemuanya telah disiasat dan diambil tindakan.

"Sebanyak 454 tindakan undang-undang telah dikenakan

iaitu 91 kes kerana menjual melebihi harga maksimum, tanda harga khas (186) dan tiada tanda harga (177)," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, secara keseluruhan didapati kadar pematuhan dalam kalangan peniaga adalah tinggi pada 99 peratus yang mana barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang telah ditentukan kerajaan.

Menurut Azman, sesetengah barang harga terkawal didapati dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

"Senario positif ini berlaku ke-

rana persaingan yang sihat selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran.

"Penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa telah membantu pelaksanaan serta kelancaran perjalanan skim ini," katanya.

Ujar Azman, skim kawalan harga itu akan diteruskan bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2021 tidak lama lagi.

Pengumuman mengenai senarai barang yang terlibat dan harga maksimum akan dibuat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi esok.

HARI RAYA AIDILFITRI

Price control op nets RM64,000 in fines

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry issued compounds amounting to RM64,050 and seized items worth RM52,897.31 during the enforcement of the Festive Season Maximum Price Control Scheme in conjunction with Hari Raya Aidilfitri.

Enforcement director Azman Adam said 73 complaints were received from April 21 to May 20, all of which had been investigated and action would be taken.

He said 51,138 inspections were carried out nationwide and action had been taken against traders who failed to comply with the rules.

"Legal action has been taken in 454 cases, with 91 related to selling items above the ceiling price,

186 cases for failing to use special price tags, and, 177 cases for failing to display price tags," he said yesterday.

Azman said inspections and monitoring found a high level of compliance among traders, and controlled items were sold according to the ceiling prices set by the government.

"Some controlled items were even sold below the ceiling prices.

"This positive scenario occurred due to healthy competition as well as balanced supply and demand in the market," he said.

He said as the ceiling prices were set in line with market prices, the implementation had been smooth.

He said following the success, the ministry would continue to implement the scheme for the Kaamatan and Gawai celebrations.

He said an announcement on the list of goods and ceiling prices would be made by Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi tomorrow.

In Ipoh, the ministry advised consumers not to panic as the supply of essential items was sufficient during the Enhanced Movement Control Order (EMCO).

The ministry issued a statement yesterday following the announcement of EMCO in four sub-districts in the state from yesterday until June 4.

"The ministry gives its assur-



A price list displayed at a stall in the Jalan Othman Market in Petaling Jaya on Friday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

ance that the supply of essential items is stable and sufficient to meet demand.

"Retail premises — such as wet markets, supermarkets, groceries, restaurants and food shops — are allowed to operate

according to the stipulated hours of the standard operating procedures."

The ministry advised the people to avoid panic-buying.

"Consumers can buy items and food online during the EMCO."